

**'SEGALA DAKWAAN MEREKA DIDAPATI PALSU'**

# PM gesa tolak khabar angin

UM 1 JAN 1987

**KUALA LUMPUR 31 Dis. — Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad menggesa rakyat menolak segala khabar angin yang disebarkan oleh golongan tidak bertanggungjawab sebagai usaha untuk memulihkan keadaan ekonomi negara.**

Katanya, "kita tahu berita - berita mereka tidak berasas kerana segala dakwaan mereka sehingga kini didapati palsu dan tidak ada

sebab kita harus mempercayainya."

Dalam perutusan tahun baru melalui Radio dan Televisyen Malaysia (RTM) malam ini, beliau berkata sejak awal tahun 1986, berita - berita angin sengaja disebarkan kononnya para anggota kerajaan berbelah bahagi dan lemah serta terlibat dengan beberapa skandal. "Majoriti rakyat kononnya sudah hilang kepercayaan kepada kerajaan," katanya.

Ini memburukkan lagi iklim ekonomi dan menghindari pelabur - pelabur asing dan dalam negeri daripada melabur dan mewujudkan peluang - peluang pekerjaan.

Katanya, untuk meyakinkan rakyat dan negara bahawa kerajaan Barisan Nasional (BN) masih mendapat sokongan daripada majoriti rakyat negara ini, pilihanraya umum diadakan lebih awal. Keputusan pilihanraya jelas membuktikan bahawa kerajaan BN masih mendapat sokongan yang besar daripada rakyat. Beliau berharap pada tahun 1987 ini, rakyat dapat memusnahkan unsur-unsur negatif yang wujud dalam masyarakat dan sama-sama berganding bahu menghadapi segala cabaran dan rintangan. Datuk Sri Dr. Mahathir mahu rakyat menunaikan segala tanggungjawab dengan penuh

**LIHAT MUKA 6**

## Tolak khabar angin

OM 1 JAN 1987

minat dan dedikasi kerana dengan cara ini prestasi serta produktiviti dapat dipertingkatkan.

"Dengan sifat bertanggungjawab dan dedikasi semua rakyat, kita bukan sahaja dapat bersaing dengan negara-negara lain tetapi juga dapat mengukuhkan ekonomi negara," katanya.

Beliau yakin jika semua pihak dapat mengamalkan sikap demikian, ekonomi negara akan pulih dan rakyat dapat hidup dengan sejahtera.

Perdana Menteri berkata negara pada tahun 1986 telah diuji dengan pelbagai cabaran tetapi "kita telah berjaya menyelesaikan negara melalui ketegasan kita dan rakyat Malaysia boleh berbangga dengan kejayaan ini."

Menurut Datuk Sri Dr. Mahathir, tahun 1986 memperlihatkan tekanan ekonomi yang paling teruk — hampir semua barangan eksport mengalami kejatuhan harga dan permintaan yang berkurangan.

Banyak pengeksport barangan itu mengalami kerugian dan sebahagian besar kilang dan lombong terpaksa ditutup mengakibatkan banyak pekerja diberhentikan.

"Pendapatan daripada eksport jatuh dengan teruk dan pelaburan dalam negara juga turun kepada paras yang amat rendah," katanya.

Beliau berkata ekoran daripada

itu, banyak lagi pekerja terus menganggur — para peniaga kecil dan besar — kerana kehilangan pelanggan.

Ini menyebabkan kerajaan tidak dapat mengutip hasil dan cukai dengan mencukupi untuk perbelanjaan pengurusan.

Menurutnya lagi, banyak wang negara yang dibekalkan oleh Bank Negara untuk menampung kekurangan wang dalam pasaran wang telah mengalir ke luar negara.

Beliau berkata bahawa tindakan kerajaan meminda Akta Penyelarasan Perindustrian dan melonggarkan syarat-syarat Dasar Ekonomi Baru (DEB) juga diperkecil-kecilkan oleh golongan tertentu untuk menghalang pemulihan ekonomi.

Namun demikian, kata Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad, kerajaan berjaya membendung sebahagian kesan buruk tindakan kumpulan-kumpulan itu dan dapat mempertahankan ekonomi negara.

"Sebahagian besar kejayaan menghadapi tekanan ekonomi yang meleset disebabkan oleh sokongan kuat majoriti rakyat," katanya.

Tambah beliau, "kejayaan memulihkan ekonomi bukan semata-mata dengan pindaan atau penguatkuasaan undang-undang atau dasar-dasar ekonomi tetapi bergantung kepada sikap dan sifat-sifat yang ada pada kita." — Bernama.